KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 8 MEI 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




8/5/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **WARIS LELAKI MAUT SEMASA PROSIDING TRIBUNAL TUNTUT PAMPASAN RM1.18 JUTA** | | **NEGATIF** |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/05/07/waris-lelaki-maut-semasa-prosiding-tribunal-tuntut-pampasan-rm1-18-juta | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/05/07/family-of-man-who-died-during-tribunal-hearing-demands-rm1-8mil-compensation | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.facebook.com/freemalaysiatoday/posts/pfbid035HF959eaArw4QzFnTsi3RVjoFcKRhfQPppFJLGZ2aS6GKhahe3aztzdw8u2uYT4yl?rdid=EXMxiHFP3GZ5eysQ# | FACEBOOK | |
| | https://x.com/fmtoday/status/1919986872228696495 | X | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **YAYASAN CHOW KIT TERIMA SUMBANGAN RM50,000 UNTUK BANTU KANAK-KANAK RENTAN** | | **POSITIF** |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/05/07/yayasan-chow-kit-terima-sumbangan-rm50000-untuk-bantu-kanak-kanak-rentan | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/05/07/yayasan-chow-kit-gets-rm50000-boost-to-uplift-vulnerable-children | FREEMALAYSIATODAY.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **PENGLIBATAN WANITA DALAM BIDANG PROFESSIONAL, TEKNIKAL PERLU DIPERTINGKATKAN** | | **POSITIF** |
| | https://malaysiagazette.com/2025/05/07/penglibatan-wanita-dalam-bidang-professional-teknikal-perlu-dipertingkatkan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |




8/5/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **DBKK, UNICEF JALIN KERJASAMA PERLINDUNGAN KANAK-KANAK** | | **POSITIF** |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/257822/dbkk-unicef-jalin-kerjasama-perlindungan-kanak-kanak/ | DAILYEXPRESS.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **SEXUAL CRIMES IN PERLIS UP 31PCT LAST YEAR, MOSTLY INVOLVE CHILDREN** | | **NEGATIF** |
| | https://www.malaysiakini.com/news/742572 | MALAYSIAKINI.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **BAYI DUA BULAN KRITIKAL DISYAKI DIDERA TUNJUK PERKEMBANGAN POSITIF** | | **POSITIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/05/07/bayi-dua-bulan-kritikal-disyaki-didera-tunjuk-perkembangan-positif/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1393384/bayi-kritikal-akibat-didera-di-melaka-tunjuk-perkembangan-positif | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/727231/berita/semasa/bayi-parah-didera-ibu-bapa-mulai-sedar | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/05/1213029/melaka-baby-showing-signs-recovery-after-alleged-parental-abuse | NST.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1216178/bayi-kritikal-akibat-didera-tunjuk-perkembangan-positif | HMETRO.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/05/07/bayi-2-bulan-disyaki-didera-ibu-bapa-sudah-sedar-mula-minum-susu/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |




8/5/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **SUAMI ISTERI DIREMAN DISYAKI DERA BAYI DUA BULAN** | | NEGATIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/dunia/senarai-berita-dunia/senarai-artikel/suami-isteri-direman-disyaki-dera-bayi-dua-bulan | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/727106/berita/semasa/bayi-parah-disyaki-didera-suami-isteri-direman-tujuh-hari | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/05/07/dera-anak-dua-bulan-hingga-kritikal-suami-isteri-direman/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/suami-isteri-direman-7-hari-kes-dera-anak-usia-2-bulan/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-isteri-disyaki-dera-bayi-dua-bulan-direman-tujuh-hari-519719 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/05/07/suami-isteri-direman-kes-dera-bayi-dua-bulan-hingga-parah/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1215920/suami-isteri-direman-7-hari-kes-dera-anak-kandung-usia-2-bulan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1393174/disyaki-dera-anak-hingga-tak-sedarkan-diri-pasangan-suami-isteri | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/05/07/parents-of-baby-boy-remanded-in-abuse-probe | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/107895/parents-remanded-in-melaka-over-suspected-abuse-of-infant-son | THEVIBES.COM | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/05/07/suami-isteri-dera-bayi-dua-bulan-direman-tujuh-hari | UTUSANBORNEO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **DISYAKI LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP MURID, GURU DIDAKWA DI MAHKAMAH** | | NEGATIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1393182/disyaki-lakukan-amang-seksual-terhadap-murid-guru-didakwa-di-mahkamah | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/05/1215993/guru-didakwa-laku-amang-seksual-terhadap-murid | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/727130/berita/semasa/cikgu-didakwa-cabul-murid-lelaki-dalam-bilik-hotel#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |

8/5/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **PEMANDU VAN SEKOLAH DIDAKWA ABAI, CUAI SEBABKAN KEMATIAN KANAK-KANAK** | | **NEGATIF** |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/pemandu-van-sekolah-didakwa-abai,-cuai-sebabkan-kematian-kanak-kanak | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/05/1393178/budak-maut-tertinggal-dalam-van-sekolah-pemandu-didakwa- kerana-pengabaian | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/05/07/pemandu-van-sekolah-mengaku-tak-bersalah-sebabkan-kematian-budak/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2025/05/1215945/pemandu-van-sekolah-didakwa-abai-cuai-hingga-sebabkan-kematian-kanak-kanak | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/05/pemandu-van-sekolah-tidak-mengaku-abai-kanak-kanak/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2420517 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/727135/berita/semasa/pemandu-van-sekolah-didakwa-cuai-sebabkan-kematian-kanak-kanak | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=QDQA2M1gPbQ | YOUTUBE | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/05/07/pemandu-van-sekolah-mengaku-tidak-bersalah-sebabkan-kematian-kanak-kanak | UTUSANBORNEO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **POLIS TAHAN LELAKI CURI PAKAIAN DALAM WANITA DI MENGLEMBU** | | **NEGATIF** |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-lelaki-curi-pakaian-dalam-wanita-di-menglembu-519798 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/05/07/lelaki-curi-pakaian-dalam-wanita-di-menglembu-sudah-ditahan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/727215/berita/semasa/lelaki-ditahan-curi-pakaian-dalam-wanita | SINARHARIAN.COM.MY | |

# Waris lelaki maut semasa prosiding tribunal tuntut pampasan RM1.18 juta

Elill Easwaran

Keluarga mangsa dakwa diberi layanan buruk dan wujud kecuaian yang menyebabkan kematiannya.




(Dari kanan ke kiri) Peguam Ng Kian Nam dan anak-anak kepada lelaki warga emas tersebut, Lay Chee Hwee (kedua dari kanan), Lay Chee Loon (kedua dari kiri), dan Lay Wei Yee (kiri).

**KUALA LUMPUR:** Waris seorang warga emas yang meninggal dunia ketika disoal siasat tribunal Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menuntut pampasan lebih RM1.18 juta.

Mereka mendakwa wujud kecuaian dan layanan buruk semasa prosiding membabitkan mangsa Lay Chan Wat, 78, yang dipanggil pada 20 Feb lalu untuk disoal siasat berhubung satu kes anti-gangguan seksual.

Menurut anaknya, Lay Chee Hwee, pegawai kementerian tidak membenarkan adik-beradiknya masuk ke bilik soal siasat walaupun mereka menunjukkan surat rasmi membenarkan kehadiran atas faktor kebimbangan terhadap kesihatan bapa mereka.

Chee Hwee, yang menemani bapanya ke prosiding tersebut tetapi menunggu di luar, berkata beliau mendengar suara yang kuat dari dalam bilik, menunjukkan tekanan terhadap bapanya.

Sekitar jam 3.15 petang, seorang kakitangan kementerian memaklumkan bahawa bapanya telah mengalami sawan.

"Apabila saya masuk ke dalam bilik, ayah saya tidak sedarkan diri dan sukar bernafas.

"Saya menjerit meminta tolong dan meminta bantuan CPR, tetapi tiada siapa yang bertindak. Pada masa yang sama, adik saya cuba menghubungi ambulans," katanya pada sidang media.

Chan Wat kemudiannya dibawa ke unit kecemasan Hospital Putrajaya sebelum pegawai perubatan mengesahkan kematiannya.

Keluarga tersebut, yang diwakili oleh peguam Ng Kian Nam, menuntut pampasan sebanyak RM1,181,975, dengan mendakwa kecuaian serius dan pelanggaran tanggungjawab penjagaan oleh pihak kementerian.

"Keluarga juga menuntut permohonan maaf bertulis yang ditujukan kepada mereka atas apa yang mereka anggap sebagai 'tindakan dan/atau perlakuan cuai dengan niat jahat'," kata Ng.

Beliau berkata keluarga mangsa juga mempunyai salinan transkrip rakaman prosiding mahkamah sebagai bukti menyokong tuntutan.

Ng berkata surat tuntutan akan dihantar kepada pihak berkuasa berkaitan hari ini atas arahan tiga anak Chan Wat.

Beliau berkata jika kementerian gagal memenuhi tuntutan dalam tempoh 14 hari, mereka akan memulakan tindakan undang-undang tanpa sebarang rujukan lanjut.

"Segala kos dan perbelanjaan ditanggung sepenuhnya pihak melakukan kesalahan," katanya.

# Yayasan Chow Kit terima sumbangan RM50,000 untuk bantu kanak-kanak rentan

Minderjeet Kaur

Share

Menteri Nancy Shukri ucapkan terima kasih kepada penderma tanpa nama kerana menunjukkan 'rasa tanggungjawab sosial yang kuat'.




(Dari kanan) Pengasas Yayasan Chow Kit Hartini Zainudin, Pengerusi Eksekutif FMT Nelson Fernandez, Menteri Nancy Shukri dan COO FMT Jenn Ngan pada majlis di KPWKM hari ini.

**PUTRAJAYA:** Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri memuji Yayasan Chow Kit dan pengasasnya, Hartini Zainudin, atas usaha gigih mengangkat nasib kanak-kanak dan belia komuniti terpinggir.

"Dedikasi mereka yang teguh untuk memastikan setiap kanak-kanak mempunyai peluang untuk masa depan lebih baik benar-benar memberi inspirasi," kata Nancy kepada FMT, selepas menyampaikan sumbangan RM50,000 daripada penderma tanpa nama kepada Hartini untuk NGO itu, yang disalurkan melalui FMT.

Menteri turut memuji penderma berkenaan, menyifatkan sumbangan itu mencerminkan "rasa tanggungjawab sosial yang kuat".

"Perkongsian awam-swasta seperti ini memainkan peranan penting dalam mengisi jurang dalam sistem dan memastikan tiada kanak-kanak tercicir," katanya.

Nancy turut mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Eksekutif FMT Nelson Fernandez, kerana menjadi saluran yang membolehkan orang ramai memainkan peranan dalam membantu anggota masyarakat yang tertindas.

Hartini menyampaikan rasa terima kasih kepada kedua-dua penderma dan FMT di atas sumbangan itu, kerana ia akan beri manfaat kepada kanak-kanak di bawah jagaannya dalam usaha mencapai kehidupan lebih baik.

"Misi kami adalah untuk memastikan hak setiap kanak-kanak mendapatkan keselamatan, pendidikan dan masa depan yang lebih cerah, tanpa mengira latar belakang mereka.

"Yayasan Chow Kit beroperasi melalui pendekatan holistik yang mengintegrasikan perlindungan kanak-kanak, pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan pembangunan komuniti untuk menangani keperluan segera kanak-kanak dan halangan sistemik yang mereka hadapi," katanya.

Turut hadir pada majlis di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ialah Ketua Pegawai Operasi FMT Jenn Ngan.

Ditubuhkan pada 2007, Yayasan Chow Kit menawarkan tempat selamat untuk kanak-kanak dan belia yang berisiko, menyediakan tempat perlindungan, sokongan pendidikan dan latihan kemahiran hidup.

NGO itu bekerjasama rapat dengan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, berfungsi sebagai pusat 'drop-in' yang menawarkan pengayaan pendidikan, kaunseling dan aktiviti rekreasi.

"Ini untuk memastikan kanak-kanak kekal di sekolah dan mengelakkan risiko kehidupan jalanan," tambah Hartini.

Beliau berkata Yayasan Chow Kit bekerjasama dengan penggubal dasar, pekerja sosial dan pemimpin masyarakat bagi mendesak dasar perlindungan kanak-kanak yang lebih kukuh dan pembaharuan undang-undang, terutama untuk kanak-kanak tanpa kerakyatan dan tanpa dokumen.

"Usaha kami termasuk bengkel pendidikan mengenai hak kanak-kanak, pencegahan pemerdagangan dan eksploitasi, dan akses kepada perkhidmatan kesihatan.

"Melalui inisiatif ini, kami melindungi kanak-kanak daripada bahaya dan memperkasakan mereka untuk memahami dan menyokong hak mereka," kata Hartini.

FMT secara konsisten mengetengahkan isu melibatkan komuniti terpinggir, terutama kanak-kanak dalam situasi yang rentan, bagi meningkatkan kesedaran tentang keperluan dan kesusahan mereka.

# Penglibatan wanita dalam bidang professional, teknikal perlu dipertingkatkan

Oleh **Haslina AR Kamaludin** - 7 May 2025



*Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil bergambar bersama-sama 23 wanita yang diiktiraf menerusi bidang profesional dan teknikal.*

KUALA LUMPUR – Sudah tiba masanya peratusan wanita dalam pekerjaan profesional dan teknikal dipertingkatkan seiring dengan perkembangan kerjaya hari ini.

Pengerusi  Pertubuhan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga (Hawa) Malaysia, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil berkata, wanita kini mempunyai potensi tinggi untuk sama-sama bekerja dalam sektor yang sebelum ini dimonopoli lelaki.

"Saya kagum dengan peningkatan ketara penyertaaan wanita dalam industri-industri seperti logistik, robotik, pengangkutan dan pelbagai lagi.

"Sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Hawa juga akan bersama-sama mencungkil lebih ramai wanita untuk diketengahkan bagi mengimbangi ekosistem pekerjaan hari ini," katanya selepas menyampaikan anugerah kepada 23 tokoh wanita pelbagai bidang menerusi FemForward 2025.

Shahrizat yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perundingan WITI (MITI) berkata, dedikasi dan semangat wanita pada hari ini terlalu tinggi terhadap sumbangan yang tidak ternilai dalam pelbagai aspek kehidupan.

"Kita tidak hanya meraikan wanita yang cemerlang dalam bidang masing-masing, tetapi juga menzahirkan penghargaan kepada kaum wanita."

"Saya suka melihat golongan wanita sekarang yang berani meneroka pelbagai bidang baharu dan inilah perintis kepada kejayaan negara," katanya lagi.




*Anugerah Khas Kecemerlangan Sepanjang Hayat disampaikan kepada Tan Sri Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad.*

Sementara itu, Presiden CILT Malaysia Prof Ts Muhammad Zaly Shah berkata, langkah-langkah proaktif perlu diambil untuk menambahkan bilangan penyertaan wanita dalam bidang professional dan teknikal.

"Memang ada cabaran yang dihadapi antaranya wujud sikap skeptikal golongan lelaki yang merasakan wanita tidak mampu.

"Namun, dengan apa yang kita lihat hari ini, rata-rata mereka sudah berjaya buktikan kemampuan mereka dan tugas kita adalah memberikan ruang sebaik-baiknya," katanya.

Jelasnya, bidang profesional dan teknikal bukan lagi sinonim dengan lelaki tetapi berkongsi dengan golongan wanita untuk menaik taraf eknomi semasa.

Jabatan Perangkaan Malaysia sebelum ini mengumumkan sebanyak 188,000 wanita terlibat dalam sektor pengangkutan pada tahun 2022.

Namun, peratusan wanita dalam bidang profesional dan teknikal hanya 40.2 peratus pada tahun 2023.

"Jadi pada tahun-tahun mendatang jumlah ini diharap akan terus meningkat," katanya lagi.

Melihat kepada keperluan itu, Femforward 2025 tampil dengan menobatkan 23 anugerah Femforward 2025 yang disampaikan kepada wanita daripada pelbagai bidang.

Bertemakan *'Accelerate Action in Women Community'*, program anjuran *Women in Logistics and Transport* (WiLAT),  The *Chartered Institute of Logistics and Transport* (CILT) Malaysia dengan kerjasama Hawa Malaysia, Balai Ikhtisas Malaysia (BIM) dan Synergy Connect Holdings Sdn Bhd sebagai pihak pengurusan utama Femforward menjadi simbol penghargaan terhadap ketokohan, dedikasi dan pencapaian mereka dalam sektor-sektor penting negara.

Kemuncak majlis menyaksikan Anugerah Khas Kecemerlangan Sepanjang Hayat diberikan kepada Tan Sri Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan luar biasa dalam kepimpinan dan pembangunan wanita di Malaysia.

Femforward 2025 merupakan acara tahunan yang menghimpunkan pemimpin wanita, usahawan, profesional dan aktivis komuniti untuk memperkukuh jaringan kerjasama, memacu tindakan kolektif dan memperjuangkan aspirasi wanita ke arah masyarakat yang lebih progresif dan sejahtera. – MalaysiaGazette




# DBKK, Unicef jalin kerjasama perlindungan kanak-kanak

Published on: Wednesday, May 07, 2025
By: Diana Liu

Text Size: – + Dark Mode: Off




DARI kiri: Lifred, Sabin, Abidin, Robert dan Juanita selepas majlis menandatangani MoU.

**KOTA KINABALU:** Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) sedia bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk mencari penyelesaian praktikal bagi melindungi semua kanak-kanak di negeri ini, termasuk yang terjejas akibat migrasi dan ketiadaan kewarganegaraan.

Wakil Unicef ke Malaysia merangkap Wakil Khas ke Brunei Darussalam, Robert Gass, berkata isu kanak-kanak yang terjejas akibat migrasi bukan hanya berlaku di Sabah, malah turut dihadapi negara lain seperti Kemboja dan Thailand.

Menurut beliau, isu ini rumit untuk ditangani kerana merentasi sempadan bandar, negeri dan negara.

"Pendirian kami adalah bahawa kanak-kanak tetap kanak-kanak dan oleh itu, mereka berhak mendapat perlindungan asas di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC).

"Komitmen kami adalah untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam mengenal pasti penyelesaian bagi memastikan kanak-kanak ini dapat menikmati hak mereka.

Semua itu dilakukan dengan menghormati undang-undang, peraturan dan keutamaan negara masing-masing.

"Tugas kami bukan untuk mencampuri bidang kuasa pihak lain, sebaliknya bekerjasama secara kolaboratif bagi mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang memberi kesan kepada kanak-kanak — supaya mereka dilindungi, membesar dengan baik dan mencapai potensi penuh mereka," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan mengenai isu kanak-kanak jalanan dalam satu sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Pelaksanaan Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak (CFCI) antara Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Unicef, pada Selasa.

Turut hadir, Mayor Datuk Seri Sabin Samitah, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri merangkap Menteri bertanggungjawab atas DBKK, Datuk Abidin Madingkir, Ketua Pengarah DBKK Lifred Wong, serta Ketua Dasar Sosial Unicef Malaysia Dr Juanita Vasquez Escallon.

MoU tersebut melambangkan aspirasi DBKK untuk mengutamakan hak, perlindungan dan pembangunan holistik setiap kanak-kanak di bandar ini. Ia juga menandakan permulaan era baharu tadbir urus bandar berteraskan kepentingan kanak-kanak.

CFCI menyokong kerajaan tempatan dalam melaksanakan Konvensyen Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di peringkat bandar. Di Malaysia, CFCI berpaksikan tiga prinsip utama iaitu meningkatkan kesedaran mengenai hak kanak-kanak dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa; menggalakkan penyertaan aktif kanak-kanak dalam perancangan bandar dan dasar awam melalui Majlis Kanak-Kanak dan mekanisme lain; serta mewujudkan persekitaran yang selamat dan inklusif untuk semua kanak-kanak, termasuk mereka yang berkeperluan khas.

Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, Kota Kinabalu akan menubuhkan Majlis Kanak-Kanak sendiri bagi memastikan suara golongan muda turut dilibatkan dalam merangka dasar, program dan perkhidmatan tempatan.

Robert berkata, penyertaan Kota Kinabalu dalam inisiatif ini menjadikannya bandar pertama di Sabah yang merealisasikan prinsip dan visi CRC, sekali gus membuka jalan kepada bandar lain di seluruh negeri untuk mengikut jejak yang sama. Beberapa pelan tindakan juga akan dibangunkan dalam minggu-minggu akan datang.

Abidin berkata MoU ini hanya permulaan, menegaskan lebih baik untuk bermula daripada tidak bermula langsung.

"Visi kami adalah untuk menggalakkan dan menyokong pihak berkuasa tempatan lain di Sabah agar turut serta dalam inisiatif ini — supaya dari Sandakan ke Tawau, dari Keningau ke Kudat, setiap bandar dan daerah menjadikan kanak-kanak sebagai teras perancangan dan keutamaan masing-masing," katanya.

Mengulas isu kanak-kanak yang sering meminta derma di sekitar bandar ini, Abidin berkata DBKK perlu bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat bagi menangani perkara itu.

"DBKK tidak boleh bergerak bersendirian. Saya melihat perkara ini sebagai satu kerjasama antara agensi. Contohnya dari segi keselamatan, kita perlu libatkan pihak polis dan sebagainya," katanya.

Beliau berharap dengan panduan daripada Unicef, kanak-kanak di bandar ini dapat dididik dan dibimbing.

"Bagi saya, apa sahaja yang dipelajari oleh kanak-kanak sekarang akan menentukan masa depan mereka. Dan dengan pendidikan yang baik, mereka mungkin menjadi pemimpin masa hadapan," katanya.




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | EDUCATING BOYS **TO RESPECT,** NOT DOMINATE | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | THE STAR |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 14 |
| TONE | POSITIF | SEKTOR | KPWKM |

# Educati°s b0ys to respect, not domioate

IF I were to put on my culturel cap, 1 would say that much of the bullying and troubling behaviour we see in sch Is, homes, and workplaces stems from deeply embedded societal strutiures.

Our society is shaped by hierarchy, patriarchy, and a masculine-driven worldview. While often invisible, these cultural dimensions set the tone for how people behave and treat one another.

Thoæ in senior posiüons allen feel entitled to dorninate or control others. This dyriamic is especially apparent in schools where senior boys frequently bully the younger once. Because thèse behaviours are often tolerated. excused or ignored, a dangerous message is passed on —power gives you the right to dominate.

Patriarchy reinforces this further. lt places mes particularly adult men, at the top of the social order, often giving them unchecked authority.

In such a ætting women who speak up are ridiculed or labelled as aggressive or unfeminine. They are frequently iold that they are ooo much" while men who display the same behaviour are praised as confident and coumgeous leader This double standard süences women and reinforc• es a cubure where male dominante is ihe norm.

In a masculine-driven culture. traits lı‹e aggressioa control, and emotiœial detachment are rewarded in boys. As a result young boys grow up believing that exerting control over others. especiafly ihose perceived as weaker, is a sign of strengik

They are taught to suppress empathy and are rarely given the language or permission to express *vulnec*ab ty. CorisequenUy, some boys learn lo exeri their masculinité through harmful behaviours like bullying, sexual hamssmenC and, in extreme cases, sexual violenœ.

We need to reshape ihe iandscape in which our boys grow up and help them understand that strength cornes not from dominance but from respect, empathy, ond self•awareness. One way forward is through the active promodon of positive mamtlînity, an approachthatcelebratesthebes+ qualiues in boys aixl men while challenging harmful behaviours and attitudes.

lt involves teaching boys that they do not need to suppress their emotions to be "manly". fi emphasises responsihility compassion, integrity, arul the strength to stand up against peer pressure.

Boys should be encoumged to listen, to question injustice, and to treat everyone regardless of gender with respect.

This siarts early. In schools, there must be structured conversations about gendsr roles, power dynamics, and con•eni. Too often, discussions on senial harassment and respect aze only directed at girls lteaching them to protect themseivesl while toys are left out of the conversation altogether.

This is a nfissed opportunity. Boys need to île taught explicitly that respect is non-negotiable. Consent is not a grey area, and real strength means looking oin for otheis.

We need role models - male teachers, fathers, coaches. and community leaders —who walk the talk Boys mirror what they see. If the men in their lives trmt women as equa express their emotioris healthily, and speak out against injustice, boys are morr likely to adopt the same ralues.

Schools and communistes should also adopt zero tolerance tocards biillying and harassmenL When senior boys bu1lytheirjuniors, ii shouldn't be dismissed as "boys bemg boys". There must be consequences, but more importantly. there must be opportuns ties for leasing and reform.

Restorative justice practices, for instance. can help lx›th the victim and perpetraior to understand the impact of their actions.

Equally important is creaöng safe spaces for boys io talk Many boys carry confusion, and pressure but are told to Dan up". If wc can provide environments where boys can share. ask questions. and learn from one another, we will build emotional intelligence and empathy, key ingredients of respectfu) behaviour.

The work of promoting positive masculinity is not just about boys and mes lt's about creating a cultuze where everyone regardless ofgender can thrive without fear of belng bullied. silenced or violated.

**ASMA ABDULLAH**
**Intercultural specialist**
**Kuala Lumpur**




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | PERILS OF SOCIAL MEDIA FOR KIDS | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | THE STAR |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 12 |
| TONE | POSITIF | SEKTOR | KPWKM |

# Perils of social media for kids

## Parents must be vigil snt and play gatekeeper to protect their children from harmful threats in the age of Internet and AI

By FAHMI FADZIL

AS a father of two. 1 am aware that young people today have the exposure to a dazzling array of information and content on the Internet.

However, i can't stress enou@ how important it is that parents take responsibility for whai their children are accessing.

Wh1le the Internet is a gateway to the world, it can also give malevolent cyber-intruders a direct line to your children.

That's why I spoke out recently against educators using students especially those in primary school for social media content.

The reason being that such content cotTld be misused by i1l-intentioned individuals, including for ctñld sexunl crimes.

Issues related to safety, personal data and so on may arise if teachers expose their studerhs' facesornameson:mcdmedla.

This could make children victims of sexual crimes. child gmomingorsexualgmoming.

I do not wish to be a killjoy or an alarmist but I know children will try io find ways to circumvent parental contml.

In fact, I have banned my children from using TikTok as we need to lake a pmactive attitude.

Parents and guardians need to act as gatekeepers and monitor Cekch6densonfseacduCm.

**We** need io **be aware of the various** online risks ihat can endanger the safety of our children and also explore alternative content and platforms that are safer than social media.

What is the point of an aITordable, fast and widespread Internet if it is not tised safely? We don't want stammers and cru»ñzals to take advantage of it.

That's why we have the Safe Internet **campaign.**

Leif not forgei how widespread the dangers are.

Suspected online predators and those in possession of Child Sexual Abuse Material tCSnM) were nabbed in a vasi swmp on Dec 23 lasi year during an operation codenamed Ops Pedo Bersepada

The MalaysianCommunications and Multimedia C ommissiort and the police force made coordinaied raids in which t3 suspects were detained in connection witn possessing CSAM.

Eighteen prerrñses across six states were raided and devices belongingto Ɓ in%%duâ6 wem seized. The raiding teams also seized 40,IAI0 CSAM materials.

Online safety also extends to stammers.

Lnst year. M ilaysians lost RMt.Sbil to stammers. Recently, we have seen tren de where stammers trick ynu by asking you to click on a link and hijack your accounts.

Without sounding paternalistic. we have to think aboui Internet like our cars. The object is to get from point A to point B safely without falling victim io dangerous detours.

There is no person. indeed there is no country that is not touched.

The criminals cooperate and collude to infiltrate and pilfer and exploit.

Oftentimes. a cybercrime takes place not even in our own country but in neighbouring nations.

The amount of money that is stolen is huge and we don't know where the money goes - whether it is to Anance an armed resurrection or being used in other ways to destabiĥse a society or a region.

Through memes and vtrâl vide• os, a new information age is taking shape, which has also led conspiracy theorists to enjoy a field day.

How do we maintain a national narrative in the age of disinformation? We should think about disinforniation like we think alxiut vaccination against virus.

righting misinformation Ls not a glamorous task. People 1ove rumours and incendiary fake news and the truth is boring.

I strongly recommend a book by social psychologist Sander Van Der Linden called *Foolproof: Why W Fall for 3fisiJormntion* ord *How to Bxifd* fmmuni;y.

In the book, Van Der Linden makes the case ror an epidemiological approach to studying and countering the spread of misinformation. comparing it to how a vtrus spreads In the #opo1SdOA

Be cautious be sceptical. always verify.

Assess the veracity of the information you are consuming.

The Internet and the ever evolving AI iecMology is so ubiquitous that you need to proteci yourself.

And above alt protect the children.

0eaA Fatimi Fadzfl is **Cortrnuziicstlons Minlctw. Tha views oxpreesed are witlrely his own.**




# Sexual crimes in Perlis up 31pct last year, mostly involve children

Bernama
Published: May 7, 2025 9:52 PM · Updated: 9:52 PM

Sexual crime cases in Perlis increased by 31 percent to 51 cases in 2024 from 39 the previous year, said state police chief Muhammad Abdul Halim.

He said 98 percent of the cases involved consensual acts between suspects and underage victims.

"Alarmingly, there were schoolgirls aged between 12 and 16 who became pregnant and gave birth at a very young age," he told a press conference after closing the state-level Crime Awareness Day programme at Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hussein today.

Muhammad said the misuse of social media platforms such as WhatsApp, TikTok, Facebook and Telegram was a key factor, as some teenagers use them to find partners and engage in romantic relationships.

"These brief connections led to sexual activities between the victims and suspects and eventually, sexual crime offences," he said.

Meanwhile, Muhammad said six school bullying cases were reported last year, down from nine cases in 2023, mostly triggered by misunderstandings and dissatisfaction among students, which led to fights.

To curb such crimes, he said police have introduced several initiatives, including the child awareness campaign at kindergartens, primary and secondary schools, and encouraging the public to share information.

# Bayi dua bulan kritikal disyaki didera tunjuk perkembangan positif

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA 7 Mei 2025, 8:00 pm



MANGSA dilaporkan mengalami kecederaan parah disyaki disebabkan perbuatan ibu dan bapanya dalam kejadian di Taman Seri Pelangi, Alor Gajah, Melaka. - Foto oleh ARIF HAMIZAN MISKON/KOSMO!

MELAKA – Keadaan bayi lelaki berusia dua bulan yang dilaporkan kritikal disyaki akibat didera ibu dan bapanya di Taman Seri Pelangi, Alor Gajah, kelmarin mulai menunjukkan perkembangan positif, petang tadi.

Ketua Polis Melaka, Datuk Dzulkhairi Mukhtar berkata, mangsa dilaporkan telah sedar daripada keadaan koma dan diberikan susu melalui tiub kira-kira pukul 5 petang.

“Mangsa masih ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak (PICU) Hospital Melaka.

“Walaupun masih dalam keadaan lemah, namun bayi berkenaan telah sedar dan diberikan susu,” katanya ringkas kepada pemberita, hari ini.

Terdahulu, Kosmo! hari ini melaporkan sepasang suami isteri direman selama tujuh hari selepas disyaki menyebabkan kecederaan terhadap bayi lelaki mereka yang berusia dua bulan.

Kejadian terbongkar selepas mangsa dibawa ke Hospital Alor Gajah dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh ibunya yang berusia 22 tahun.

Wanita terbabit mendakwa mangsa diserang sawan sebelum meninggalkan bayi berkenaan di Hospital Melaka sejak pukul 1 pagi tanpa sebarang pemantauan.

Pemeriksaan dilakukan mendapati bayi itu mengalami pendarahan lama dan baru di dalam kepala, selain kesan lebam serta luka-luka di badan dan leher dipercayai akibat didera.- KOSMO! ONLINE




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUX | **PASANGAN** DIREMAH **SEMNGGU** | | |
| HARI | XHAMIS | AKHBAR | MARIAN M E O O |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 05 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |




Oleh hteor Aiduwan Meor Ahmad
amgnhmewo.com.mv

DISYAKI DERA BAYI 2 BULAN

# Pasaxgan d1eman semnggu

Pasangan suami isteri direman tujuh hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes dera anak kandung berusia dua bulan. tsnin lalu.

Hakim Haderiah Siri mengeluarkan perintah reman sehingga rj Mei ini terhadap suami isteri masing-masing berusia zz tahun mengikut Seksyen ••7 Kanun Acara |enayah selepas dipohon pegawai penyiasat kes.

la bagi membolehkan polis melengkapkan siasatan mengikut Seksyen yı{ı)(a} Akta Kanak-Kanak zooı.

Tcrdahulu. pasangan iru dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh, di sini, jam sı.ı5 pagi.

Flarian Metro kelmarin melaporkan. mangsa yang juga bayi lelaki berusia dua bulan kini dirawat di Unit **Rawatan Rapi** Kanak-Kanak IPICU) Hospital Melaka kerana mengalami pendarahan dalam kepala serta luka dan Icöam pada tubıh dipercayai didera ibu bapanya.

Kejadian disyaki ber)aku di rumah sangan itu di Taman Seri Pelangi. Alor Gajah dan terbengkar apabila si ibu menghantar bayinya yang didakwa mengalami sawan ke Hospitai Alor Cfajah, jam 6 petang.

Set ibanya di hospital, difahamkan bayi malang itu dalam keadaan tidak se- **darkan diri, wanita terba-** hit menghilangkan diri

> “Setibanya di hospital, difahamkan bayî malang itu dalam keadaan tidak sedarkan diri, wanita terbabit menghilangkan diri dan menînggalkan anaknya tanpa pengawasan”

dan meninggalkan anaknya tanpa pengawasan.

tmbasan CT oleh yakar **perubatan** kanak-kanak mendapati ada pendarahan baharu dan lama di kiri kepala sebelum membuat laporan polis kerana mengesyaki bayi didera.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUX | SUAMI ISTERI DERA BAYI DUA BULAN ÖREI\4AN | | |
| HARI | XHAMIS | AKHBAR | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 13 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

# Suami isteri dera bayi d bu direma

MELAKA:Ibudan&pa kcpada &yi lelakiberusia dua bulan disyaki didera di Sungai Petai Alor, Gajah kelmarin diremantujuh hari bermula semalam bagi membantu siamtan.

Perintah reman sehingga 13 Mei terhadap pasangan suami isteri berusia 22 tahun itu dikeluarkan Hakim Haderiah Siri di MahkamüıSesyenAyer Keroh, bagimembolehkan siasatan dilakukaa di imwah Seksyen 31(1)(a) Akta Kaaak-Kanak 2tD1.

Pasangan yang juga penganggur itu ditahan sepasukan anggota polis pada 6.30 petang kelmarin di hadapan Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak Hospital Mehka.

Penahanan itu dibuat selepaspakar perubatan hospital yang memeriksabayiberkenaanmembuat laporan apabila mengesan kecederaan baharu dan lama dalam kepala mangsa.

Ketua Polis Melaka Datuk Dzulkhairi Mukbtar berkata, bayi berkenaan ditinggalkan ibunya di Hospital Melaka sebelum pemeriksaan doktor mendapati terdapat kesan cedera dipercayai akibat didera

Bayi itu dibawa ke Hospital Alor Gajah selepas ibu mangsa mendakwa anaknya mengalami serangan sawan scbelum dirujuk ke Hospital Melaka. — Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | PEMANDU MENGAKU TAK SALAH | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | BERITA HARIAN |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 16 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

Kes kanak-kanak maut dalam van

# Pemandu mengaY tak salah

Botu Pahat: Seoran8 pemandu x•an sekolah dihadapkan ke Hahkamah MaJistret. di sini semalam atas pertuduhan pengabaian dan kecuaian sehingga menyebabkan kematian seorang kanak-kanak selepes mangsn tertinggal dalem van. bulan lalu.

Yau Chee Weng. 57. bagaimanapun mengaku tidah bersalah sebailt pertuduhan dibacakan di hednpan Hakim Mahkamah Sesyen. Mohamad Khalid Ab Ka-

Tertuduh yang juga seorang pesam, sebagai seorang yang mempunyai penjagaan ke atas kanak-kanak lelaki berusia lima tahun itu didakwa mcninggalkannya dalam van hin8ga menyebabkan kematian.

Perbuatan itu didakz'a dilakukan di Taman Bukit Indah. Oohor Bahru antara jam 8 pagi hingga 12.05 tengah hari, 30 April lalu.

Tertuduh tiidakwe mengikut Seksyen 3t(lita) Akta Kanah-Kanak 2fD1 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 31 (1) akta sanna, membabitkan denda sehingga RM50.iXD atau penjara tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanyn. jiha sabit kesalahan.

## Tertuduh diikat jamin

Pendakwaan dihendalikan Tim-1 alan Pendakwa Raya Sharifah Natasha Syed Ahmad, manakala tertuduh diwahili peguam Goh Toh Jem

Mahkamah membenarkan tertuduh diihai jamin RM? tXD dengan seorang penjamin. selain memerintahkan pasport diserahhan kepada mahkamah.

Tertuduh juga diperintah tidak mengganggu atan berkomuniRasi dengan saksi pendahwaan sehingga kes selesai.

Kes disebut semula lG Jun ini untuk serahan dohumen.




*Chee feng* dibowo de *Mahkamah Ma)istCet* D0tu *Rahat, semalam.* (Foto BERNAMA)




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | MAN CHARGED OVER DEATH OF BOY LOCKED IN VAN | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 06 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

NOT GUILTY PLEA

# MAN CHARGED OVER DEATH OF BOY LOCKED IN VAN

## Retiree allegedly abandoned 5-year-old victim for hours

ALIAS ABD RANI
¥ATU PAfIAT
new nst.com.my

A S7'year-olddriver wascharged In the Sessions Couri yesterday with child abandonment. for al-egedly leaving a S-year-old boy locked in a van for hours. resulting in his death.

Yau Cliee Werig pleaded not gu ilty after the charge was read in Mandarin befo re judge Mohamad K lia lid Abd Karim.

According to the charge sheet, Yau, a retires, who was entrusted with the care of the victim, allegedly abandoned the boy in the vehicle at Tainan Bukit Indah. Johor Baru, between 8am and 12.05pm on April 30.

The offence under Section 3@)lal of the Child Act carries a maximum fine of RMS0,000, imprisonment of up to 20 years, or both. upon conviction.

Deputy publ ie prosecutor Sharifah Natasha Syed Ahmad proposed bail at Rht15,000 with additional conditions.

However. the court set bail at RM7.000 with one surety.

Yau was also ordered to surrender his pass\›on and is harred from contacting prosecution witnesses pending the conclusion of the case.

Khalid fixed 16 3une for document submission and case mention.



*School vaii driver Van* thee tVeii,g *was granted RM .OOO bail after lie rlalmed trim* ro riiifd *abaiidoiuweiit iii the Racii Pahac Sesslotts Court yester‹tay.* s:- ki:a‹:c n




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | PEMANDU VAN SEKOLAH MENGAKU TIDAK BERSALAH SEBABKAN KEMATIAN KANAK-KANAK | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 13 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

# Pemandu van sekolah mengaku tidak bersalah sebabkan kematian kanak-kanak



TIDAK MENMKU MLAH: Yau (kiri) mengaku tidak bezsalth di Mahkamah Sasyen di Batu Pahat samaîam atas pactudu•kan menyebabkan kematian seorang kanak-kanak lelaki yang tartings•I dalam van sekolah dalam kejadian di Taman Bukit Indah, Iskandaf Puterl, akhlr bulun lepas.

amww •

**BATU PAHAT:** Seurang pemandu x'an srkotah mengaku tidak bersalah di .'\1ahkamah Sesyen di sini scmalam atas pcrt uduhan menyebabkan kematian seorang kana k-kanak lclaki ysng terıinggal dalam van sc•kolalı dalam kcjadian di 'l'amzn Bukit lndah, lskandar Puteri, aklıir bulnn lepas.

Yan Ghee V'eng, 56, membuat pengakuan itu selepas pertuduhandibacnkandalam huh:ı*:ı .H ndarin uleh juru - bahasa mahkumatı di hadapan Hakim .Mohamad Klsalid Ab Karim.

Mcngikut ycrî uJuhan, Yau didaku'a meninggalkan kanak-kanak lullki berusis lima tahun Jua bulan itu s2hinggamenychahkanmangsa mvninggal dunia dalam sebuah mutovan di hadapan sebuah tadika di 'Faman Bukit Indah, Iskandar Puteri, antars jam 8 pagi hingga 12.05 tcngah ha*. F < April lepss.

Dia dids kw'a meng ikut Sc•ks ye n 3 I ( I )(a, Akta kana k- Ka **nak** 200 1 d an boleh dihukunı di bawah Seksş'en 31(11 akta sama, **yang mcmpcruntukkan** hukunıan penjara tidak melebihi 20 tahun atau denda maksimum R. 5U,000 ;ıtau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Scloin itu, Scksyen .3l(2) aktasamamempcruntukkan bahawa mahkamah hendak-Ish mum<•tintahkan pusalah men ye mpurnakan hon dcngan **ycntamin** **un**tuk hcrkclaku9n baik hagi rstu tcm[›oh hong se uai, den melaksanakan *kfi"\dmat* mas}'arakat tidak kurang daripada 36 jam dan tıdek *m •I* • bihi 240 jam sccara agregzt dalam tcmpoh ‹idak melcbihi enam bulan dar i tarikh perintah.

'l'imbalzn Pendakw'a Raya Sharifah Natasha Sjed Ahmad mrngendalikan pendokuz, manakala terıuduh diz akili pcguam Rich Toh Jen.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak **Ret / ,OUU** dengan seorang pcnjamin warganegara beru.wta sşarat tambzhan initu tidak me ngganggu sak si sepan jang prosiding serin menyc•rahkan pasportk‹•pada **mahkamah.**

htahkamah menetapkan 12 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi prnyerahan dokumem

Pada 1 .Mei lepns, media melaporkan se rang kanak-kanak tadika berusia lima tahun maut sclepastertinggal dalam van sekolah sclams lchih cmj›at jam di T«man Bukit InJah.

Kct ua Pol is DQcrah fskandar Pulori A 'P fi X umarasan dilayor herkata,mangsa dijum{ aidalsm keadaan tidak sedarkan diri dalam \•an bcrkcnzan pada kira-kira 12 tengah hari, dipercayai tertinggal selepas pemandu menurunkan prlatar lain di hadapan sckobh en kitar jam . 30 pagi hari ş-ang sama.

Susulan itu, polis menahan seorang lelaki yang bekerja sebagai penuuıdu van srkolah di kaw'asan Taman Bukiı ln‹lah pada jam 2.-HI pctang, hari snma. — Bernama




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | DRIVER DENIES CAUSING BOYS DEATH | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | THE STAR |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 09 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

# Driver denies causing boy's death

## He faces 20 years in jail, RM50,OOO fiie if found guilty of neglect

By VENESA DEVI
venesa(d›_tbesta.com.my

**BATU PABAT:** A school van driver has been charged in connection with the death of a five-year-old boy who was found unconscious in his vehicle.

Yau Chee Weng, S6, pleaded not guilty before Sessions Court judge Mohamed Khalid Ab Karim.

The accused al)egedly left Teo Yu Ze, who was under his care, unattended in the van, leading to the child's death.

Yau allegedly committed the offence in front of a kindergarten in Jalan Indah 10/14, Taman Bukit Indah, Iskandar Puteri, between 8ain and 12.0Spm on April 30.

He is facing a charge under Section 31fl)ta) of the Child Act 200) (Ofi ft8gl8Ct OK OITt1SSÏOI1 tO care for a child in a manner likely to cause physical injury.

If convicted, he could face a jail sentence of up to 20 years or fines up oIT]ü50.OODorboLh.

Deputy public prosecutor Sharif ih Natasha Syed Ahmad prosecuted, while the accused was represented by lawyer Goh Toh Jen.

DPP Shartfah Natasha requested thecourttosetbailatRMtS.tXD, but Goh asked for a lower amount. noting that the accused is a retiree wh i works as a part-time van driver.

The judge set Mail at RM7,iXD and fixed June i2 for the next mention and submission of documents.

Yau is also required to report to the nearest police station once a month. surrender his passport to the courC and refrain from disturbing witnesses involved in the case.

He later posted bail.

When news of the case first broke last month. it was reported that the boy may have been ieA behind after the driver dropped off other students at around 7.30aftL

The child was found at noon and later pronounced dead at a hospital.

The van driver was arrested al 2.40pm the same day in the Taman Bukit Indah area.



**Day' in ootut:** Yau (handcuffed) being escorted by police at the Batu Pahat court. —THOMAS YONG/The Star




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | SCHOOL VAN DRIVER CLAIMS TRIAL TO CAUSING FIVE-YEAR-OLD BOY'S DEATH | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | THE BORNEO POST |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 07 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |



Yau is eseoried at tlii court by a pod — mna.na phn:o

# School van driver claims trid to causing five-year-old boy's death

**BATU PAHAT:** A school van dńver pleaded not guilty in the Sessions Court here yestetday to a rharge of causing a young boy's death by leaving him in the vehicle in Taman Bukit Indah. Iskandar Puteri last month.

Yąu Chee Weng, 56. entezed the plea after the charge was read to him in Mandarin before Judge Mohamad Khalid Abd Karim.

Yau is accused of leaving the five-year-old boy in a **muttipurpose van, resulc ing in** the child's death, in front of a łtindergarten in Taman Bukit indah, Iskandar Puteri between 8amSndliOSpmOnApńl30

He was charged under Section 3i{i}(a) of the Child Act z0oi, which carries a maximum sentence of zo years imprisonment, a fine not exceeding RI I5o,ooo, or both. u{on convictiorL

in addition. pursuant to Sertion 31(z) of the Act, the court shałl order any convicted person to execute a good behąvtour bond for an appropńate period and perform community service of betweęn 36 and Mo hours. to be completed within six montha

Deputy public prosecutor Sharifah Natasha Syed Ahmad appeared for the prosecution. while the accused was represented by counsel Goh Toh Jen.

ł ioharnad Khalid allowed Yau to be rełeased on bail of RM7,ODO with one surety, subject to additional conditions that he must not interfere with witnesses and must surrender his passport pending the disposal of the case

The court fixed June i2 for the next case mention. — Bersama




TAJUK : SEBUTAN SEMULA KES 16 JUN DEPAN

HARI KHAMIS

AKHBAR HARIAN 'METRO

TARIKH 8 MEI 2025

M/SURAT 03

TONE NEGATIF

SEKTOR KPWKM

XES B€I0A¥ NAUT TERTfNMiAI. DA£AM DAN SEf£OEA£I

# Sebutan semula kes 16 Jun depan

*Pesara SU tahun tak inen aIm salak, diikat jamin RM7k*

oıeb Aea Az
am@hrnrtro.rom.ms

**Batu Pahat**

p e m a n d u vansekolah dihadapkaa ke Mab- W kamalı Majiscret di sini. semalam. atas pertu-duhan gcngabaian dan kc-cuaian hingga menyebab-kan kematian seorang ka-nak-kanak yang tertinggal di dalam van dipandunya bMan IaJu.

Tewduh. \'au Chee Weng, şy. bagaimanagun mengaku tidak bers*lah sebaût pertuduban duke mukakan jwubahasa da - lam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Mahka-mah Sesyen Mohamad Khalid Ab Karim.

Mengiku pertuduhan, tertuduh sebagai seorang mempunyai penjagaan ke atas kanak-kanak lelaki be-rusia lima cahun. didakwa mcninggjdkan mangsa di dalam van hiogga menye-babkan kemaoan.

Perbuatan iru dilakukan teztuduh yang juga gesara di Taman Bukît Indah. {o-hor Bai•ıru ancara jam 8 pagi hingga n.os tenga-tiarı. 38 APrîl lalu.

Oleh im. terruduh didak-wa mengikut Seltsyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 31 (1) akla sama, dendc sehingga RMp.ooc atau penjara ti-dak lebib yo tahun atau kedua-duanya. jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dîkendali - kan Timbatan gendakwa Raya, Shar fah Natasha Syed Abmad da ter-tuduh diwakili peguam be-ıa. Goh Toh Jen.

Terdahulu pihaL pendak-waan merıawarkan ikat jamin kMış,ooo serta di-Iıenakan syarar tambahan terk+adag ccrtuduh.

MaJfl‹amah kez+udiao membenarkan teMduh diikat jamin RMy.ooo de-ngan seorang genjamin se-lain memerintahkan pas-gort diserahkan kepada mahkamah.

Selain itu, mafıkamah memenntahkan teMduh tidak berkoznunîkasi dengaa saltsi pendaîrwaan sehing-ga kes selesai.

kes üisebuc semMa s6 Jun hadapan untuk sera-man dokumen.

Dalam ke|adiao yo April latu. seorarig murid tadika berusia lima tahun dice-mukan tidak sedarkan dirl datam van sekolah di Ta-man Buktt Indah. [ohor Bahru.

Mangsa ditemui dz4am keadaan tidak sedarkan di-ri di dalam van berkenaan ri.

Difahamkan mangsa di-percayai certinggal di da-lam van sekolah icu ketika pemandunya menuru_nkan pelajar di hadapan sekolah pada hari sama, 7.30 pagi.



TAJUK : TEACHER CLAIMS TRIAL TO SEXUALLY ASSAULTING 11-YEAR-OLD BOY

| | | | |
|---|---|---|---|
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | 8 MEI 2025 | M/SURAT | 06 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

SIMILAR CHARGES IN OTHER COURTS

# claims tfĪül t0 S9Xüüllÿ üSSüültĪh§ 11-year-olä boy

SEREt4BAt4i A primary school teacher was charged yesterday with two counts of sexually assaulting an if-year-old pupil rwo years ago.

Abdul Halim Ismail. 37. pleaded not guilty before judge Hazeelyah Muhammad.

Halim is accused of sexually assaulting the boy. then 11. on the nights of June 28 and 29, 2023 at a hotel in Port Dickson, Ncgri Scmbilan.

The charges were framed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act, read together with Section 16(1) of the same act. which carries a maximum jail term of 20 years and whipping. upon conviction.

Deputy publ ie prosecutor Norazi hah Asmuni did not propose bail, but requested that it be set at a high amount should the court allow it.

She told the court that since 2023, Halim has faced charges of sexual assault on children at the Raub. Ipoh and Melaka courts.

Halim's lawyer. Aliff Aiman Rusli. appealed for a low bail amount, citing his client's lack of income due to his suspension since 2023.

The court set bail at RM5.000 tor each charge.

Halim was also ordered to report to the nearest police statlon every month. surrender his passport to the court and stay away from the victim and witnesses.

The court set 9 June for case re-mention.




# Polis tahan lelaki curi pakaian dalam wanita di Menglembu

Bernama
07/05/2025 22:03 MYT




*Imej pegun dari rakaman CCTV menunjukkan tindakan suspek mencuri pakaian dalam yang dijemur mangsa di hadapan rumah di Menglembu pada Selasa. - Foto ihsan pembaca via Sinar Harian*

**IPOH:** Seorang lelaki tempatan berusia 48 tahun ditahan oleh polis hari ini kerana disyaki mencuri pakaian dalam wanita di kawasan Menglembu di sini, selepas perbuatannya dirakam oleh kamera litar tertutup (CCTV).

Ketua Polis Daerah Ipoh ACP Abang Zainal Abidin Abang Ahmad berkata suspek ditahan pada jam 11 pagi, susulan laporan yang dibuat oleh pemilik CCTV, seorang wanita berusia 45 tahun, semalam.

"Rakaman CCTV menunjukkan suspek menunggang motosikal dan berhenti di hadapan rumah sebelum mengambil beberapa helai pakaian dalam yang disidai berhampiran pagar rumah pengadu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Abang Zainal Abidin berkata suspek yang tidak mempunyai rekod jenayah lampau akan direman di Mahkamah Majistret Ipoh esok bagi membantu siasatan lanjut mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan kerana mencuri.

Terdahulu, rakaman video yang memaparkan tindakan lelaki tersebut mencuri pakaian dalam yang disidai di ampaian di Menglembu tular di laman sosial Facebook.